

15 MAY 2000

JANGAN JEJASKAN KEHARMONIAN DALAM BN, KATA PEMUDA GERAKAN

KUALA LUMPUR, 15 Mei (Bernama) -- Pemuda Gerakan hari ini menyarankan parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) lain supaya tidak menjejaskan keharmonian dan keutuhan yang ada dalam parti dengan bercakaran sesama sendiri.

Timbalan pengerusi Pemuda Gerakan, Mah Siew Keong, berkata parti-parti komponen BN patut mengambil iktibar daripada nasihat pengerusi BN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada anggota-anggota Umno pada perhimpunan agung parti itu yang berakhir Sabtu lepas, supaya sentiasa berwaspada terhadap kuasa negatif dalaman dan luaran.

"Apabila berlaku pertelingkahan di dalam Barisan Nasional, ia akan membawa kemusnahan kepada kita," kata Mah, yang juga Anggota Parlimen Teluk Intan, dalam satu kenyataan di sini.

Beliau berkata sebarang tindakan parti-parti komponen dalam menjadikan Gerakan sebagai "mangsa" akan hanya mewujudkan permusuhan di dalam BN.

-- BERNAMA

MHI AHH NAK